

**KAJIAN TERHADAP PEMBUDAYAAN PERKONGSIAN KERETA
DI SEKITAR PERMATANG PAUH**

| | |
|--------------|--------------------------------------|
| 10DLS14F1063 | MUHAMMAD FAIZ BIN YUSNI |
| 10DLS14F1019 | AIZAT FIKRI BIN NOOR RUDZUAN |
| 10DLS14F1031 | NUR ADAWIYAH BT RAZMI |
| 10DLS14F1053 | NOR SALMILA AMIRAH BINTI MOHD SANUSI |
| 10DLS14F1016 | RUBAA SHINI RANKERSAMY |
| 10DLS14F1017 | DARATHI JOSEPHINE MATUS |

**LAPORANINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
DIPLOMA LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN**

**JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

DISEMBER 2016

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk “**Kajian Terhadap Pembudayaan Perkongsian Kereta Di Sekitar Permatang Pauh**” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan

Disemak oleh :

Nama penyelia : PUAN ISRATUN BINTI IDRIS

Tarikh :

Disahkan oleh :

Nama Pensyarah Kursus : EN AZLI BIN MUHAMMAD

Tandatangan Pensyarah Kursus :

Tarikh :

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

1. Tandatangan :

Nama : MUHAMMAD FAIZ BIN YUSNI

No. Pend : 10DLS14F1063

Tarikh :

2. Tandatangan :

Nama : AIZAT FIKRI BIN NOOR RUDZUAN

No. Pend : 10DLS14F1019

Tarikh :

3. Tandatangan :

Nama : NUR ADAWIAH BT RAZMI

No. Pend : 10DLS14F1031

Tarikh :

4. Tandatangan :

Nama : NOR SALMILA AMIRAH BINTI MOHD SANUSI

No. Pend : 10DLS14F1053

Tarikh :

5. Tandatangan :

Nama : RUBAASHINI RANKERSAMY

No. Pend : 10JLS14F1016

Tarikh :

6. Tandatangan :

Nama : DORATHI JOSEPHINE MATUS

No. Pend : 10JLS14F1017

Tarikh :

PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah-nya dan bantuan beberapa pihak kami telah menyiapkan Laporan Projek “Business Project” bagi Modul “Business Project” (DPB6043).

Pertama sekali ucapan jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia kami Puan Isratun Binti Idris kerana telah banyak membantu dan memberi sokongan serta kerjasama yang tidak terhingga dalam menjayakan penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Encik Azli Bin Muhammad selaku pensyarah modul kerana sudi memberikan tunjuk ajar dan panduan dalam menyediakan laporan ini sepanjang kami menjalankan penyelidikan ini. Laporan penyelidikan ini secara amnya mengandungi maklumat-maklumat berkaitan dengan kajian kami iaitu kajian terhadap pembudayaan kongsi kereta di sekitar Permatang Pauh. Terdapat juga lampiran seperti borang soal selidik yang telah dijalankan bagi membantu kami untuk mencapai objektif kajian.

Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat di atas sumbangan yang diberikan, iaitu Pihak Politeknik Seberang Perai serta semua yang turut membantu, memberi tunjuk ajar, nasihat, sokongan dan dorongan kepada kami dalam menjayakan penyelidikan ini. Tanpa tunjuk ajar daripada mereka kami mungkin tidak dapat menyiapkan laporan ini dengan sebaiknya. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kajian terhadap pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh. Kajian ini memberi tumpuan kepada tiga aspek iaitu sikap pengguna, kos, dan kesesakan di sekitar Permatang Pauh. Ini adalah kerana ramai orang tidak mengamalkan berkongsi kereta dengan rakan-rakan atau rakan sekerja untuk sampai ke destinasi yang sama. Oleh itu, pengkaji telah menjalankan kajian mengenai perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh. Pengkaji memberi tumpuan kepada 100 responden untuk membantu pengkaji mengkaji pada beberapa orang yang menjalankan amalan berkongsi kereta dan pengetahuan mereka terhadap perkongsian kereta. Antara maklumat yang diperolehi melalui kaedah statistik dari SPSS (Statistical Package for Social Science). Keputusan kajian menunjukkan tentang pandangan orang awam yang berpeluang mengamalkan perkongsian kereta di sekitar kawasan Permatang Pauh. Aspek yang telah terbukti menjadi salah satu punca utamakekangan amalan berkongsi kereta di kalangan orang-orang yang menggunakan laluan Permatang Pauh, terutama dari segi kesedaran. Kebanyakan mereka tidak merasa kepentingan berkongsi kereta dan sebahagian daripada mereka tidak mengetahui tentang faedah berkongsi kereta untuk diamalkan dalam rutin harian mereka.

ABSTRACT

The study conducted to investigate study of acculturation carpooling in the area of Permatang Pauh. This study was focusing on three aspects which are consumer's attitude, travelling cost and traffic congestion in Permatang Pauh area. This is due to many people don't practice carpooling with their friends or working colleagues to reach the same destination. Therefore, we conducted a study on carpooling among Permatang Pauh area since many studies done to see the problem. We focused on 100 respondents to help us study on number of people who practices carpooling and their knowledge towards carpooling. Some of the information we have obtained through statistical methods from SPSS (Statistical Package for Social Science). Results of studies showed that people who do practice carpooling around the area of Permatang Pauh. Aspects which have been proved to be one of the major causes of restraint practices carpooling among people who uses Permatang Pauh route, especially in terms of awareness. Most of them do not feel the importance of carpooling and some of them are not aware of the benefits of carpooling to practice in their daily routine.

| | |
|----------------------------------|-----|
| PENGESAHAN LAPORAN PROJEK | i |
| PENGAKUAN | ii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | ix |
| SENARAI RAJAH | x |

| | | |
|------------|--------------------------|-------|
| BAB | PENDAHULUAN | 1 |
| I | | |
| 1.0 | Pengenalan | 1-2 |
| 1.1 | Latar belakang masalah | 3 |
| 1.2 | Penyataan masalah | 3-5 |
| 1.3 | Objektif kajian | 5 |
| 1.4 | Persoalan kajian | 5 |
| 1.5 | Skop kajian | 5 |
| 1.6 | Kepentingan kajian | 6 |
| 1.7 | Definisi operasional | 7 |
| 1.7 | 1.7.1 Budaya | 7 |
| | 1.7.2 Perkongsian | 8 |
| | 1.7.3 Pengguna | 8 |
| | 1.7.4 Kesesakan | 8-9 |
| | 1.7.5 Kos | 9 |
| 1.8 | Batasan kajian | 9 |
| BAB | SOROTAN LITERATUR | 10 |
| II | | |
| 2.1 | Pendahuluan | 10 |
| 2.2 | Sikap pengguna | 10-11 |
| 2.3 | Kos | 11-12 |
| 2.4 | Faktor kesesakan | 12-13 |
| BAB | METODOLOGI KAJIAN | 14 |
| III | | |
| 3.0 | Pendahuluan | 14 |
| 3.1 | RekaBentuk kajian | 14-15 |
| 3.2 | Kaedah pengumpulan data | 15-16 |
| 3.3 | Populasi dan sampel | 17 |
| 3.4 | Instrumen kajian | 18-20 |
| 3.5 | Tatacara kajian | 20-22 |

| | | |
|---------------|---|-----------|
| 3.6 | Kaedah penganalisan data | 22-23 |
| BAB IV | DAPATAN KAJIAN | 24 |
| 4.1 | Pendahuluan | 24 |
| 4.2 | Analisa keboleh percayaan data | 24-25 |
| 4.3 | Dapatan kajian | 26 |
| | 4.3.1 Bahagian A: Latar belakang responden | 26-31 |
| 4.4 | Bahagian B : Kajian terhadap pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh | 31-40 |
| BAB V | PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN | 41 |
| 5.1 | Pendahuluan | 41 |
| 5.2 | Perbincangan | 42 |
| | 5.2.1 Perbincangan mengenai faktor sikap pengguna | 42-43 |
| | 5.2.2 Perbincangan mengenai faktor kos | 43-44 |
| | 5.2.3 Perbincangan mengenai faktor kesesakan | 44-45 |
| 5.3 | Implikasi Kajian | 45-46 |
| 5.4 | Cadangan | 46 |
| | 5.4.1 Cadangan kepada orang awam | 46-47 |
| | 5.4.2 Cadangan pihak Kementerian Pengankutan | 47 |
| | 5.4.3 Cadangan kepada pengkaji akan datang | 47-48 |
| 5.5 | Kesimpulan | 48-49 |

SENARAI JADUAL

| Table No. | Halaman |
|---|---------|
| 3.1 Skala likert | 19 |
| 4.1 Jadual analisis kebolehpercayaan data | 25 |
| 4.3 Skala Min Skor | 32 |
| 4.4 Analisis soalan berkaitan Kajian Terhadap Perkongsian Kereta Di Sekitar Permatang Pauh (Faktor Sikap Pengguna) | 32 |
| 4.4 Analisis soalan berkaitan Kajian Terhadap Perkongsian Kereta Di Sekitar Permatang Pauh (Faktor Kos) | 35 |
| 4.5 Analisis soalan berkaitan Kajian Terhadap Perkongsian Kereta Di Sekitar Permatang Pauh (Faktor Kesesakan) | 38 |

SENARAI RAJAH

| No Rajah | | halaman |
|----------|--------------------------------------|---------|
| 4.3.1 | Taburan responden mengikut jantina | 26 |
| 4.3.2 | Taburan responden mengikut status | 27 |
| 4.3.3 | Taburan responden mengikut umur | 28 |
| 4.3.4 | Taburan responden mengikut bangsa | 30 |
| 4.3.5 | Taburan responden mengikut pekerjaan | 31 |

BAB 1

1.0 PENDAHULUAN

Dari segi sejarah, pengangkutan di Malaysia meningkat secara perlahan-lahan dan berperingkat-peringkat. Orang zaman dahulu menggunakan binatang sebagai alat pengangkutan mereka. Binatang-binatang dipelihara dan digunakan sebagai pengangkutan. Dari semasa ke semasa pengangkutan sering diperbaharui mengikut arus pemodenan teknologi yang semakin canggih sehingga kenderaan berenjin telah dicipta iaitu kereta. Kereta merupakan satu jenis teknologi automotif iaitu kenderaan beroda yang boleh dipandu dan membawa penumpang lebih laju dari basikal dan motorsikal. Kereta mempunyai tempat duduk untuk pemandu dan sekurang kurangnya satu tempat duduk untuk penumpang dan selebih-lebihnya tujuh orang.

Kini dengan adanya kenderaan beroda empat ini, kereta menjadi perkara utama dalam memenuhi tuntutan harian dan semakin banyak pengguna kenderaan di jalanraya hingga menyebabkan berlakunya masalah kesesakan terutama di kawasan bandar yang menjadi tumpuan orang ramai untuk mencari rezeki. Kereta juga sering digunakan untuk ke destinasi samada dekat atau jauh. Dengan itu pengkaji terpanggil untuk menjalankan kajian terhadap pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh. Bab ini menerangkan gambaran keseluruhan mengenai latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian. Akhir sekali, bab ini diakhiri dengan perbincangan

organisasi bab-bab seterusnya. Perbincangan tentang topik-topik ini penting untuk memberi gambaran awal keseluruhan kajian yang dijalankan.

1.1 Latar Belakang Masalah

Perkongsian kereta bermaksud beberapa orang manusia yang menggunakan satu kereta untuk ke destinasi yang sama ataupun destinasi yang berbeza. Kempen kongsi kereta pernah dijalankan sebelum ini namun tidak mendapat sambutan. Selain itu, beberapa sistem perkongsian kereta berdasarkan laman web juga telah dibangun dan masih aktif tetapi tidak ada sebuah perkongsian kereta berdasarkan laman web yang berjaya membawa impak yang besar terhadap amalan perkongsian kereta. Selain itu, perkongsian kereta dapat memberi kelebihan kepada kedua-dua pihak sama ada pemandu ataupun penumpang dari segi kos minyak. Menurut Burris dan Winn (2006), perkongsian kereta dapat menjimatkan masa berbanding dengan penggunaan pengangkutan awam.

Kempen berkongsi kereta ini bukan perkara baru. Idea ini telah muncul buat pertama kali pada awal tahun 1970-an semasa pasukan pakar pengangkutan awam dari Bank Dunia mengkaji kesesakan trafik di Kuala Lumpur pada tahun 1980. Kempen kongsi kereta telah dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini namun tidak mendapat sambutan. Menurut Datuk Shahrir Abd. Samad Menteri Wilayah Persekutuan, kempen berkongsi kereta ini muncul lagi. Bagaimanapun, kempen akhirnya tinggal kempen dan hanyut mengikut waktu dengan alasan penduduk Kuala Lumpur benar –benar belum bersedia. (Rosli, Utusan, 2009).

1.2 Pernyataan Masalah

Pulau Pinang merupakan negeri tumpuan untuk mencari rezeki mahupun pelancong bercuti. Saban tahun kenderaan memasuki ke pusat bandar semakin bertambah dan masalah kesesakan jalan raya hingga mencetus insiden di jalan raya. Menurut Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng, kesesakan sebagai satu krisis besar yang dihadapi kerajaan negeri. (Bernama, 2015). Kongsi kereta adalah satu inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini tetapi belum dapat menyelesaikan isu pertambahan kenderaan di jalan raya. Kebanyakan warga Malaysia mementingkan diri sendiri. Keinginan untuk keselesaan telah menghalang budaya perkongsian kereta dilakukan. Menurut Tan Sri Lee Lam Thye, budaya berkongsi kereta mudah diperkatakan tetapi sukar diamalkan, terdapat beberapa masalah lain yang perlu dicari jalan penyelesaian terlebih dahulu sebelum menjayakan kempen berkongsi kereta (Ramly, Bernama, 2006).

Antaranya, masalah kos yang tinggi terutama di kawasan bandar seperti kos perjalanan dari tempat tinggal ke tempat kerja. Menurut Datuk Nadzim Johor Abu Johan, Ketua Aktivis Gerakan Pengguna Islam Malaysia, budaya berkongsi kereta merupakan cara wajar untuk menjimatkan kos perjalanan, terutama bagi mereka yang berulang alik dari rumah ke tempat kerja melalui perjalanan yang jauh. Selain itu, perkongsian kereta juga sesuai untuk mereka yang mempunyai pilihan terhad terhadap kemudahan pengangkutan atau mereka yang tidak langsung mempunyai pilihan pengangkutan. (Ramly, Bernama, 2006)

Berdasarkan lampiran aplikasi waze menunjukkan salah satu kesesakan berlaku dari arah Permatang Batu ke Permatang Pauh. Kesesakan kerap berlaku pada waktu pagi pada pukul 7.00 hingga 9.00 pagi iaitu waktu penduduk keluar untuk ke tempat kerja dan 4.30 hingga 7.00 malam waktu pulang dari kerja atau musim musim tertentu. Mungkin setiap yang menggunakan kenderaan sendiri dapat merasakan bebanan apabila memandu

sendiri ke tempat kerja. Mereka bukan sahaja dapat menjimatkan petrol tetapi bayaran letak kereta malah kesesakan jalan raya dapat dikurangkan. Menurut Datuk Nadzim Johan Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), budaya berkongsi kereta merupakan pilihan bijak kepada pemilik kendaraan berikutan kenaikan harga petrol, diesel, dan gas petroleum cecair. (Bernama, 2006). Dengan kenaikan harga minyak dalam tempoh yang terdekat telah memberi kesan kepada individu atau pengguna kendaraan itu sendiri dalam perbelanjaan kos harian mereka. Dengan itu pengkaji terpanggil untuk menjalankan kajian terhadap pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh. Ini adalah untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh. Oleh itu, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti faktor sikap pengguna mempengaruhi pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh.
2. Mengenal pasti faktor kos mempengaruhi pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh.
3. Mengenal pasti faktor kesesakan mempengaruhi mempengaruhi pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh.

1.4 Persoalan Kajian

Antara persoalan-persoalan terhadap kajian yang dibuat adalah seperti berikut:

1. Adakah faktor sikap pengguna mempengaruhi pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh.
2. Adakah faktor kos mempengaruhi pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh.
3. Adakah faktor kesesakan mempengaruhi pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian penyelidikan mengenai perkongsian kereta tertumpu kepada orang awam. Melalui kajian ini, borang soal jawab akan diedarkan kepada 100 orang responden dari kalangan orang awam di sekitar Permatang Pauh.

Kajian penyelidik merangkumi keseluruhan orang awam di sekitar Permatang Pauh. 100 orang responden soalan soal jawab akan dipilih secara rawak oleh pengkaji.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian amalan perkongsian kereta di Malaysia amat penting kepada rakyat Malaysia kerana dapat mengurangkan penggunaan pengangkutan di Malaysia. Di samping itu, ia juga dapat mengurangkan kos penggunaan petrol.

i) Kepentingan Terhadap Orang Awam

Kepentingan kajian ini juga membantu orang awam mengurangkan kos pengangkutan dengan memupuk amalan perkongsian kereta. Selain itu, dapat mengeratkan hubungan sesama masyarakat. Ia juga dapat menarik perhatian orang awam untuk mengamalkan perkongsian kereta dan memilih gaya hidup baru untuk berjimat cermat sambil memelihara alam sekitar dengan mengamalkan budaya kongsi kereta.

ii) Kepentingan Terhadap Kementerian Pengangkutan.

Kepentingan kajian ini juga membantu pihak yang bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan jalan raya iaitu Kementerian Pengangkutan. Penyelidikan ini diharap dapat membantu pihak berkenaan dalam membuat penambahbaikan dan menjamin keselamatan dari segi mengurangkan kesesakan dan kadar bilangan pengguna kenderaan di jalan raya. Selain itu, ia dapat mengurangkan statistik bilangan kemalangan di jalan raya.

iii) Kepentingan Terhadap Pengkaji Akan Datang.

Kepentingan kajian ini diharap dapat memberi gambaran dan dapat membantu pengkajiakan datang membuat kajian yang seterusnya dalam menjalankan kajian dan dapat dijadikan sumber rujukan bagi menghasilkan kajian yang lebih berkualiti dan memberi maklumat tentang perkongsian kereta terhadap orang awam.

1.7 Definisi Operasional

Tajuk kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji adalah pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh. Faktor yang diketengahkan oleh pengkaji adalah dari segi sikap pengguna, kos, dan kesesakan.

1.7.1 Pembudayaan

Menurut Edward Burnett Tylor (1976), pembudayaan merupakan keseluruhan yang kompleks, yang di dalamnya terkandung pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, hukum, adat istiadat, dan kemampuan-kemampuan lain yang di dapat seseorang sebagai anggota masyarakat.

1.7.2 Perkongsian kereta

Perkongsian kereta membawa maksud berkongsi kenderaan dengan kenalan untuk pergi ketempat yang sama bagi mengurangkan kesesakan jalan raya. Istilah berkongsi bermaksud bersekutu untuk sesuatu kegiatan atau berpakaat. Menurut kefahaman pengkaji, berkongsi kereta membawa maksud berkongsi sesuatu pengangkutan yang membawa penumpang dari satu destinasi ke destinasi yang lain yang dipandu oleh seorang pemandu

1.7.3 Pengguna

Menurut kamus dewan Edisi Ketiga (1997) Pengguna adalah orang yang menggunakan barang, perkhidmatan dan alam sekitar untuk memenuhi keperluan dan kehendak dalam kehidupan. Pengguna perlu tahu hak mereka selepas membeli, atau menggunakan perkhidmatan yang memenuhi keperluan hidup dalam hidup.

Menurut konteks kajian, pengguna adalah dikalangan orang awam yang berpeluang mengamalkan budaya perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh. Dengan ini pengkaji akan mengkaji sikap pengguna mempengaruhi pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh.

1.7.4 Kesesakan

Perkataan kesesakan merupakan perkataan terbitan dan berasal daripada perkataan sesak. Sesak mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007)

bermaksud tidak lapang iaitu tidak lega, tidak longgar atau sempit, terlalu penuh sehingga tidak ada ruang lagi, tumpat yang merujuk kepada penumpang di dalam kenderaan , tersumbat ataupun tersekat perjalanan nafas, sendat, ataupun susah.

1.7.5 Kos

Menurut sumber dari Kamus Pelajar Cetakan Keempat Belas (2000), kos didefinisikan sebagai wang yang dikeluarkan atau yang dibelanjakan untuk menghasilkan sesuatu barang, perkhidmatan dan lain lain.

1.8 Batasan Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, jumlah responden yang diambil adalah seramai 100 orang dan tempoh masa yang diambil bagi melaksanakan kajian ini adalah selama lebih kurang 6 bulan. Beberapa batasan yang di temui. Antaranya, ialah segelitir orang awam ini sukar memberi kerjasama ketika pengedaran borang soal selidik sedang dijalankan.

Dari segi pendekatan pula, didapati bahawa cara pengumpulan data yang dilakukan adalah sukar untuk memperolehi jawapan yang baik di mana sesetengah responden kurang memahami amalan kongsi kereta dan mengisi borang soal selidik dengan sambil lewa sahaja. Jawapan yang baik boleh didapati apabila responden memahami erti perkongsian kereta atau diterang sendiri oleh pengkaji.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Kajian ini adalah untuk memfokuskan faktor-faktor yang mempengaruhi perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh. Oleh demikian, antara faktor yang telah dikaji oleh pengkaji yang disebabkan budaya berkongsi kereta ialah sikap pengguna, kos dan kesesakan.

2.2 Sikap Pengguna

Di Malaysia, Akta Perlindungan Pengguna (1999), memberikan takrifan pengguna sebagai seseorang yang memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan daripada jenis yang pada lazimnya diperoleh bagi maksud, kegunaan atau kepenggunaan diri, rumah tangga atau isi rumah dan tidak memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan. Sikap pengguna adalah amalan penting dalam mengamalkan budaya kongsi kereta.

Tambahan pula, mentaliti dan sikap pengguna merupakan antara penyumbang utama kepada kejadian kemalangan jalan raya. Ketua Jabatan Ketenteraman Awam dan Trafik Negeri, Superitendan Wan Jamil Wan Chik berkata faktor utama kemalangan adalah sikap pengguna sendiri. Menurut dapatan kajian lepas, Matteo Maria Galizzi (2004), dengan berkongsi penggunaan kos kenderaan, ia akan cenderung dalam berfikir secara berbeza dari sudut pandangan untuk melakukan sesuatu dengan cara yang lebih komprehensif supaya lebih sedar tentang kesan pemilihan mereka serta lebih mengambil berat tentang tanggungjawab sosial. Dalam kajian ini, sikap pengguna memainkan peranan penting dalam melaksanakan pembudayaan perkongsian kereta di kalangan pengguna jalanraya.

2.3 Kos

Kos adalah untuk menentukan harga sesuatu produk. Pengiraan kos amat penting bagi semua bidang sama ada pengeluaran atau perkhidmatan. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Muhammad Shaani Abdullah, kenaikan harga barang keperluan dan perkhidmatan membebankan pengguna negara ini. Golongan berpendapatan rendah dan pertengahan yang paling teruk terjejas dengan perkembangan tersebut. Kenaikan kadar tol juga menyebabkan kenaikan hampir kesemua barang. (Bernama 2006)

Menurut kajian Matteo Maria Galizzi (2004), berkongsi kereta bergantung kepada keputusan individu itu sendiri samada menaiki kereta sendiri atau berkongsi kereta bersama-sama dan berkongsi kos. Dengan memilih untuk memandu kenderaan sendiri ia dapat mengikat diri dalam perbelanjaan peribadi yang besar.

Dalam kajian ini, kos adalah memainkan peranan penting dalam sesuatu perkhidmatan atau perniagaan dan pengeluaran. Sekiranya orang awam dapat mengamalkan budaya berkongsi kereta kos perjalanan dapat dikurangkan dan dapat membantu mereka dari segi kewangan serta dapat mengurangkan kadar penggunaan minyak petrol.

2.4 Faktor Kesesakan

Kesesakan adalah satu keadaan di rangkaian jalan raya yang berlaku sebagai penggunaan meningkat, dan di cirikan oleh kelajuan perlahan, masa perjalanan yang lebih panjang, dan peningkatan beratur kenderaan. Kesesakan jalanraya yang berlaku pada akhir-akhir ini semakin membimbangkan. Oleh yang demikian, pengkaji mengambil faktor ini sebagai objektif kajian.

Menurut apa yang ingin diperkatakan oleh Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman iaitu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1997) menyatakan, memandangkan kesesakan jalanraya semakin bertambah, kesesakan jalanraya yang berlaku pada akhir-akhir ini semakin membimbangkan. Oleh itu, pelbagai langkah harus diambil bagi menangani masalah ini daripada terus berlanjutan sehingga ke tahap yang tidak boleh dielakkan lagi.

Faktor kesesakan berlaku adalah berpuncak dari pengguna yang memandu kereta di jalan raya. Hal ini demikian, kerana terlalu ramai memandu kereta sendiri berbanding berkongsi kereta ke destinasi yang sama dan pada waktu yang sama. Antara bentuk-bentuk halangan yang wujud ialah persimpangan dan lampu isyarat yang mempengaruhi kelengahan, kemalangan jalan raya, banjir kilat dan juga penyelenggaraan jalanraya

Menurut kajian lepas Kum Kum Dewan dan Israr Ahmad, menyatakan dengan peningkatan kesesakan jalan raya, beribu-ribu pemandu di kawasan bandar berasa kecewa dengan keadaan trafik yang perlahan dan membawa kepada penggunaan minyak yang lebih tinggi. Kebanyakan masyarakat tidak suka budaya berkongsi kereta kerana akan menimbulkan rasa ketidakselesaan dan menyebabkan masyarakat lebih memilih untuk memandu kereta sendiri dari berkongsi kenderaan. Oleh itu, ia adalah salah satu faktor yang mengakibatkan kesesakan jalan raya. Kesesakan jalan raya juga boleh menimbulkan ketidakselesaan dan masalah emosi (marah, runsing dan tekanan fikiran) yang boleh mengganggu penumpuan pemandu di jalan raya dan seterusnya menyebabkan kejadian kemalangan. Dalam kajian ini, jika mengamalkan budaya kongsi kereta kesesakan jalan raya di kawasan permatang pauh dapat dikurangkan terutamanya pada waktu kemuncak.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pendahuluan

Metodologi adalah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan Kamus Dewan, (1998). Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan berkenaan dengan prosedur dan metodologi yang digunakan bagi melengkapkan kajian mengikut kriteria yang dikehendaki iaitu reka bentuk kajian, populasi dan sampel, instrumen kajian, tatacara kajian dan kaedah penganalisa data. Untuk menghasilkan satu kajian yang terbaik maklumat mestilah lengkap, tepat dan berkesan. Hasil kajian ini dapat memberi sumbangan terhadap perkembangan pengetahuan dan menambahkan lagi kefahaman.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan perkara utama yang perlu diambil perhatian dalam menentukan metodologi. Ia juga merupakan satu garis panduan kepada setiap pengkaji

supaya dapat mengetahui tentang bagaimana kajian itu bermula sehingga mendapat keputusan.

Reka bentuk kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah berbentuk penyelidikan tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), tinjauan adalah perbuatan meninjau sebelum membuat laporan harus dijalankan suatu untuk mengetahui pendapat umum atau hasil daripada meninjau pandangan. Ini adalah kerana bersesuaian dengan apa yang dikaji iaitu mendapatkan perspektif atau pandangan orang awam terhadap pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh.

Pengkaji telah mengedarkan sebanyak 100 borang soal selidik kepada responden di sekitar Permatang Pauh. Kaedah soal selidik dipilih kerana ia membolehkan maklumat diperolehi dengan jelas dari masa ke masa iaitu dengan mengadakan tinjauan terhadap pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh.

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Bagi memastikan penyelidikan berjalan dengan baik dan lancar, kaedah ini juga memerlukan masa yang singkat untuk memperolehi maklum balas dari responden. Dengan kaedah ini juga, pengkaji akan mendapat maklumat dengan lebih jelas dan tepat.

a) Data Primer

Data primer adalah data yang diperoleh peneliti secara langsung bagi memperolehi hasil dapatan yang baik. Data primer juga adalah data utama yang digunakan oleh pengkaji dan data ini diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Ia disokong oleh Uma Sekaran (2009), yang menyatakan bahawa data yang diperolehi oleh penyelidik daripada individu dan sekumpulan responden disebabkan permasalahan tertentu dari masa ke masa adalah contoh dari sumber data primer.

b) Data Sekunder

Data sekunder ialah data sumber kedua iaitu data yang diambil daripada punca punca lain dari hasil pembacaan pengkaji dan rujukan internet. Bagi memperoleh maklumat-maklumat yang lengkap berkaitan dengan kajian, bahan bacaan yang menjadi sumber rujukan adalah dari bahan pencetak seperti buku rujukan, jurnal, majalah, akhbar dan internet. Menurut Saifuddin Azwar (2004), data sekunder merupakan data yang diperoleh lewat pihak lain, tidak langsung diperoleh oleh peneliti dari subjek penelitiannya. Pembacaan tesis yang sedia ada daripada institusi pengajian tinggi awam sedikit sebanyak membantu dalam pengumpulan data. Maklumat diperolehi melalui dari artikel-artikel dan bahan internet.

3.3 Populasi dan Sampel

Persempelan ialah maklumat yang diperolehi dari sebahagian daripada kumpulan yang besar. Roscoe (1975) mendefinisikan sampel sebagai sebahagian daripada objek, kejadian ataupun individu yang dipilih daripada populasi yang dikaji. Kaedah persampelan ‘rawak mudah’ merujuk kepada tatacara memilih elemen sampel dengan cara yang memberikan kemudahan kepada penyelidik. Dalam konteks kajian, pengkaji menetapkan populasi adalah orang awam di sekitar Permatang Pauh.

Sampel pula merupakan kepada orang awam yang terpilih di dalam populasi. Data-data telah diperolehi oleh pengkaji ialah daripada sejumlah sampel. Menurut Mohammad Majid Konting (1990), sampel sebagai sub set ukuran yang dipilih daripada populasi. Saiz sampel adalah penting kerana ia melambangkan kekuatan sesuatu kajian. Ia berkaitan dengan masalah kebarangkalian kemungkinan berlaku sesuatu keadaan yang tidak dapat dielakkan berdasarkan bilangan yang kurang penting. Oleh itu, dalam kajian ini seramai 100 orang dari orang awam di sekitar Permatang Pauh akan dipilih sebagai sampel.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah adalah satu alat yang digunakan untuk mengumpul data-data dan maklumat dari responden. Instrumen yang pengkaji gunakan ialah borang soal selidik dimana ia diperolehi dengan mengedarkan borang-borang soal selidik kepada responden yang telah dipilih. Borang soal selidik ini dibuat adalah berdasarkan objektif kajian yang telah dipilih.

Untuk kajian yang telah dijalankan kami menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Alat yang digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian ini adalah

borang soal selidik yang akan diedarkan kepada 100 orang responden dari orang awam di sekitar Permatang Pauh.

Penyediaan soalan yang baik memerlukan masa dan kemahiran. Borang soal selidik yang dibuat tanpa makna yang jelas atau tidak memahami responden ia tidak akan mendapat sambutan yang memuaskan dari pihak responden. Dengan itu maklumat yang dikumpul berkemungkinan besar tidak memadai bagi seorang penyelidik untuk membuat kajian.

Terdapat beberapa kajian di dalam borang soal selidik yang telah dibuat iaitu dalam bahagian A dan B.

a) Bahagian A

Bahagian A mempunyai soalan yang perlu dijawab oleh para responden. Ia terdiri daripada soalan yang tertumpu kepada latar belakang responden yang terlibat iaitu:

- Jantina
- Status
- Umur
- Bangsa
- Pekerjaan

b) Bahagian B

Bahagian B pula terbahagi kepada tiga kumpulan soalan berdasarkan kepada faktor pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh iaitu faktor sikap pengguna, kos kesesakan. Terdapat 30 soalan dengan setiap tiga soalan bagi setiap faktor soalan dikemukakan. Dalam bahagian ini soalan adalah dalam bentuk Skala Likert.

| Skala | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|-------|------------------------|-----------------|-------------|--------|---------------|
| | Sangat tidak setuju | Tidak setuju | Tidak pasti | Setuju | Sangat setuju |
| | | | | | |

Dalam membentuk soal selidik, para pengkaji harus memastikan soalan yang akan disoal dalam soal selidik mempunyai kaitan dengan objektif yang pertama. Bagi setiap faktor terdapat tiga soalan yang berkaitan dengannya. Kesemua faktor itu adalah berkaitan dengan aspek pembudayaan perkongsian kereta di sekitar Permatang Pauh.

3.5 Tatacara Kajian

Prosedur kajian amat penting terutamanya, dalam proses menjalankan kajian kerana ia merupakan satu langkah yang perlu dipatuhi agar penyelidikan berjalan dengan lancar. Selain itu, ia juga dapat menghuraikan secara ringkas kesuluruhan kerja dalam penyelidikan iaitu dalam persampelan sehingga proses analisis data. Justeru itu juga, dalam melaksanakan kajian ini borang soal selidik akan diberikan kepada responden yang dipilih

secara rawak oleh pengkaji. Pengkaji akan menerangkan tujuan kajian ini dijalankan terhadap responden. Tatacara kajian adalah seperti berikut.

a) Membuat perbincangan

Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden, ahli kumpulan akan membuat perbincangan terlebih dahulu untuk merangka soalan yang bersesuaian yang bakal ditanya. Perbincangan ini diadakan adalah tujuan untuk mendapat persetujuan daripada semua ahli tentang soalan yang akan ditanya.

b) Mendapatkan surat kebenaran

Pengkaji akan mendapatkan surat kebenaran sebelum kajian ini dijalankan untuk membuat penyelidikan daripada Ketua Jabatan Perdagangan, Politeknik Seberang Perai. Surat kebenaran ini merupakan bukti kepada pihak responden bahawa kajian yang dijalankan ini adalah benar dan telah mendapat persetujuan.

c) Menyediakan borang soal selidik

Pengkaji akan mula membentuk borang soal selidik setelah responden dikenal pasti untuk mendapatkan maklumat seperti yang diperlukan. Soalan yang ditanya berdasarkan objektif yang dijalankan.